



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXXI]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 3 SEPTEMBER 2026

[No. 39

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK ZAINUDIN BIN AMAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 326

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Nurasyikin binti Moktar Yassin secara fleksi ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N10 mulai 1 November 2023.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Aliffah binti Mastor secara fleksi ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N10 mulai 14 Februari 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Evylin binti Girek secara fleksi ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N10 mulai 14 Februari 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Frey Alexander Francis secara fleksi ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N10 mulai 14 Februari 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mohd Baharun Nor bin Minduru secara fleksi ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N10 mulai 14 Februari 2024.

KENAIKAN PANGKAT - (*samb.*)

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mohammad Zaid bin Yusof secara fleksi ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N10 mulai 3 Jun 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Sahar bin Unggat secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N48 mulai 3 Jun 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Nur Izdihar Raidah binti Idris secara fleksi ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N44 mulai 14 Ogos 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Romy Al-Hami Azeer Yahya secara fleksi ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N10 mulai 14 Ogos 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Duane Alvin William Baya secara fleksi ke jawatan Jurutera, Gred J44 mulai 14 November 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mohd Royhaisham bin Abd Fattah @ Jeffry secara fleksi ke jawatan Jurutera, Gred J44 mulai 14 November 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mohammad Nurhassanal bin Jinal secara fleksi ke jawatan Jurutera, Gred J10 mulai 9 Disember 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Abd Halim bin Ag Marali secara fleksi ke jawatan Jurutera, Gred J10 mulai 27 Disember 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Dg Nur Azean binti Awang Othman secara fleksi ke jawatan Jurutera, Gred J10 mulai 27 Disember 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Alchemy Lobo October M. Sabin secara fleksi ke jawatan Jurutera, Gred J10 mulai 2 Januari 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Muhammad Khaliluddin bin Hasnan secara fleksi ke jawatan Jurutera, Gred J10 mulai 2 Januari 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat pangkat Encik Roland Oliver Niun secara hakiki ke jawatan Pegawai Hidupan Liar, Gred G14 mulai 15 Januari 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Justina Lojuti secara fleksi ke jawatan Pegawai Latihan, Gred N10 mulai 3 Mac 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Noralfeqah binti Isman secara fleksi ke jawatan Jurutera, Gred J10 mulai 6 Jun 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Doddy Jude Anthony secara fleksi ke jawatan Jurutera, Gred J10 mulai 27 Jun 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Rosnani binti Anggong secara fleksi ke jawatan Juruukur, Gred J10 mulai 25 Julai 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Aarol Izmi bin Zamani secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J10 mulai 28 Ogos 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Anati binti Sawang secara fleksi ke jawatan Kurator, Gred S10 mulai 2 September 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Celorline binti Jaikul secara hakiki ke jawatan Akauntan, Gred WA10 mulai 3 September 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Sapiee @ Shafie bin Janati secara hakiki ke jawatan Akauntan, Gred WA10 mulai 3 September 2025.

KENAIKAN PANGKAT - (*samb.*)

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Hilmy Hamid @ Hilmy Hamit secara hakiki ke jawatan Jurutera (Awam), Gred J13 mulai 27 September 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Rosina Venantius secara One-Off (SSPA) ke jawatan Juruaudit, Gred W12 mulai 29 Oktober 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Awang Fauzi bin Awang Tahir secara hakiki ke Jawatan Utama Sektor Awam C, Gred VU7 mulai 1 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Dato' Mohd Shamsul Nizam bin Abdul Wahid secara hakiki ke jawatan Jurutera (Awam), Gred J13 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Dr. Connie Joyce Tann secara hakiki ke jawatan Pegawai Veterinar, Gred GV13 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Dr. Debra George Epun @ Nurhidayah secara hakiki ke jawatan Pegawai Veterinar, Gred GV12 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Dr. Lorren Adam secara hakiki ke jawatan Pegawai Veterinar, Gred GV13 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Dr. Teddy Marshall Denis secara hakiki ke jawatan Pegawai Veterinar, Gred GV13 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Dr. Zul Bahar Abdul Rashid secara hakiki ke jawatan Pegawai Veterinar, Gred GV14 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Awang Juri bin Ag Tahir secara hakiki ke jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam, Gred S13 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Celestina Aron secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Charles William Dabbi secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Jasni @ Abu Suffyan B. Omar secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Shafaruddin bin Halide secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Putera Jali secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Tuan Hj. Mohd Fauzi bin Norbeh secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 19 November 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Jackson @ Leo Ronald Jaimi secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G14 mulai 30 Disember 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Linda @ Lily Cosmas secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G13 mulai 30 Disember 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Saplin bin Jani secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G13 mulai 30 Disember 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Sofian Syah bin Mohd Said secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G13 mulai 30 Disember 2025.

KENAIKAN PANGKAT - (*samb.*)

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Asiah binti Ismail secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N13 mulai 20 Januari 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Shirley Sion secara hakiki ke jawatan Pegawai Arkib, Gred S13 mulai 20 Januari 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Ibrahim bin Terki secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N10 mulai 20 Januari 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Ibrahim bin Terki secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N12 mulai 21 Januari 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Ir. Siraja bin Bashora secara hakiki ke Jawatan Utama Sektor Awam Jusa C, Gred VU7 mulai 5 Februari 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Asdi @ Mohd Faizal bin Hussin secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N12 mulai 5 Februari 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (154)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Liew Chern Wei secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N13 mulai 5 Februari 2026.

No. 327

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Dg. Nur Fashareena binti Datu Md. Noor secara Khas Untuk Penyandang ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 mulai 23 Jun 2023.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Farahdiana binti Mohd Kassim secara Khas Untuk Penyandang ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 mulai 23 Jun 2023.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Fariza Ismail Celestial secara Khas Untuk Penyandang ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 mulai 23 Jun 2023.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Nur Diyana binti Yusoff secara Khas Untuk Penyandang ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 mulai 23 Jun 2023.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Justina Rolland secara Khas Untuk Penyandang ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 mulai 23 Jun 2023.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Salahudin bin Maili Mohd Rasli secara Khas Untuk Penyandang ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 mulai 23 Jun 2023.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Mohd Sabrie bin Salim secara Khas Untuk Penyandang ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 mulai 10 November 2023.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Nancy Shaftang secara Khas Untuk Penyandang ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 mulai 10 November 2023.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Rosalia Ginsos secara Khas Untuk Penyandang ke jawatan Pegawai Penyelidik, Gred Q44 mulai 25 Julai 2024.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Samuel Tan Thian Meng secara fleksi ke jawatan Juruukur, Gred J10 mulai 25 Julai 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Veda Wayati binti Jumat secara fleksi ke jawatan Pegawai Penilaian, Gred W10 mulai 25 Julai 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Rachel Natalie Michael secara fleksi ke jawatan Pegawai Penilaian, Gred W10 mulai 25 September 2025.

KENAIKAN PANGKAT - (*samb.*)

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Carolyn Tay @ Carolyn Clement secara One-off (SSPA) ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J12 mulai 1 Disember 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Md Zainin bin Md Layer secara One-off (SSPA) ke jawatan Jurutera, Gred J12 mulai 1 Disember 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Sakai bin Soliman @ Jackson secara One-off (SSPA) ke jawatan Jurutera, Gred J13 mulai 1 Disember 2025.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Datuk Dr. Ahemad bin Sade secara hakiki ke Jawatan Utama Sektor Awam Gred B, Gred VU6 mulai 11 Mac 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Datin Dr. Shuhadah binti Mustapha secara hakiki ke jawatan Pegawai Perikanan, Gred Utama C, Gred VU7 mulai 11 Mac 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Aidah @ Idah binti Awang secara hakiki ke Jawatan Utama Sektor Awam Gred C, Gred VU7 mulai 11 Mac 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Allen Leslie Chin @ Opop secara hakiki ke jawatan Juruukur Bahan, Gred J10 mulai 11 Mac 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Celestina Aron secara hakiki ke Jawatan Utama Sektor Awam Gred C, Gred VU7 mulai 11 Mac 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Jais bin Asri secara hakiki ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat, Gred S14 mulai 11 Mac 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Liew Chern Wei secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 11 Mac 2026.

[No.SPANS:800-7/3 Jld.6 (205)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Shahnas Izran bin Ngairan Alan secara hakiki ke jawatan Akauntan, Gred WA10 mulai 11 Mac 2026.

No. 328

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

PELANTIKAN MEMANGKU

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Helmi bin Nawi untuk memangku jawatan Pegawai Penguatkuasa, Gred KP41 mulai 24 Ogos 2023 hingga 23 Ogos 2024 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Tuan Ir. Jaffri bin Bahan untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 1 Mei 2024 hingga 30 April 2025 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Tuan Ts. Abdul Rasad bin Patawi untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J41 mulai 2 Mei 2024 hingga 1 Mei 2025 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Tuan Ts. Francis Jinir untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J41 mulai 2 Mei 2024 hingga 1 Mei 2025 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Mohamad Hirman bin Abdul Khanis untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J41 mulai 2 Mei 2024 hingga 1 Mei 2025 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Petrus Mark Maluda untuk memangku jawatan Pustakawan, Gred S48 mulai 1 Oktober 2024 hingga 30 September 2025 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

PELANTIKAN MEMANGKU - (*samb.*)

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Antonia P Sani @ Antonia Peter untuk memangku jawatan Pustakawan, Gred S48 mulai 9 Oktober 2024 hingga 8 September 2025 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Evelyn Pius untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J14 mulai 2 Mei 2025 hingga 1 Mei 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Dr. Lorren Adam untuk memangku jawatan Pegawai Veterinar, Gred GV13 mulai 7 Jun 2025 hingga 18 November 2025 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Irman bin Isnain untuk memangku jawatan Pegawai Perikanan, Gred G12 mulai 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Ruzlee bin Jumin untuk memangku jawatan Pegawai Perikanan, Gred G12 mulai 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Noor Syefa binti Aidi untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J10 mulai 15 Ogos 2025 hingga 14 Ogos 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Bil Suhud bin Mohamad untuk memangku jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat, Gred S12 mulai 1 September 2025 hingga 31 Ogos 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Mohd Szami Solehin bin Jasni untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N9 mulai 18 Oktober 2025 hingga 17 Oktober 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Ibrahim bin Terki untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N13 mulai 4 November 2025 hingga 31 Mei 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Mohd Dzulkarnain bin Mohd Jame untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J12 mulai 23 November 2025 hingga 22 November 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Mohammad Izam bin Jamal untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J12 mulai 23 November 2025 hingga 22 November 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Suhaidi bin Kuanting untuk memangku jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam, Gred S12 mulai 1 Disember 2025 hingga 30 November 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Admiral A. Balandong untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J9 mulai 5 Disember 2025 hingga 4 Disember 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Jean Shat Fu Yi untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N13 mulai 15 Disember 2025 hingga 14 Disember 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

PELANTIKAN MEMANGKU - (*samb.*)

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Norhayati binti Aliju untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N13 mulai 23 Disember 2025 hingga 22 Disember 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Zulkifli bin Suara untuk memangku Jawatan Utama Sektor Awam, Gred Utama C, Gred VU7 mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Ahmad bin Yusop untuk memangku Jawatan Utama Sektor Awam, Gred C, Gred VU7 mulai 6 Januari 2026 hingga 5 Januari 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Hafez bin Shabuddin untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J14 mulai 17 Januari 2026 hingga 16 Januari 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Nelliah binti Sittor untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J12 mulai 17 Januari 2026 hingga 16 Januari 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Vitus Dee Aegidius untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J12 mulai 17 Januari 2026 hingga 16 Januari 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Zainazah binti Ahmad Banjar untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J14 mulai 17 Januari 2026 hingga 16 Januari 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Musleha Khairunisa binti Muluk untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 24 Januari 2026 hingga 23 Januari 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Aidah @ Idah binti Awang untuk memangku jawatan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Jusa Gred C, Gred VU7 mulai 3 Februari 2026 hingga 10 Mac 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Mohd Faizal bin Mohd Tahir untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 3 Februari 2026 hingga 2 Februari 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Hanisah binti Abramsah untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N9 mulai 3 Mac 2026 hingga 2 Mac 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Datuk Philemon Lajawai untuk memangku jawatan Pengarah Kerja Raya (Jurutera), Gred Utama B, Gred VU6 mulai 6 Mac 2026 hingga 5 Mac 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

PELANTIKAN MEMANGKU - (*samb.*)

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Liew Chern Wei untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 8 Mac 2026 hingga 10 Mac 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Mary Maul Mijong Dagul untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N14 mulai 28 Mac 2026 hingga 27 April 2026 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

[No.SPANS:800-7/2 Jld.6 (323)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Donny Ponong untuk memangku jawatan Pegawai Tadbir, Gred N13 mulai 30 Mac 2026 hingga 29 Mac 2027 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki yang mana lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008), Bahagian II.

No. 329

[No. KKT&P: 400-14/1/19 Jld. 7 ()]

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH TAMBUNAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

SIJIL MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

PENDAPAT

Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Harta dan Tanggungan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1,650 - 1,677.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Tambunan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Acara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

ASAS KEPADA PENDAPAT

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB ETIKA LAIN

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Tambunan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

PERKARA AUDIT UTAMA

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

MAKLUMAT LAIN SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN SIJIL JURUAUDIT MENGENAINYA

Ahli Majlis Majlis Daerah Tambunan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

TANGGUNGJAWAB AHLI MAJLIS TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras Akta Acara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Tambunan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT TERHADAP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Tambunan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Tambunan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tambunan memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Ahli Majlis bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

HAL-HAL LAIN

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(AWANG SAMSUDIN BIN MOHD. SALLEH),
b.p. Ketua Audit Negara,
Malaysia.

Kota Kinabalu.

Tarikh: 13 Ogos 2020.

MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, JUPIRIN BIN RUHIMIN, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Tambunan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Hasil dan Perbelanjaan dan Penyata Harta dan Tanggungan Majlis untuk tahun berakhir 31 Disember 2019, dan nota-nota yang berkenaan, adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya betul dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan mempercayai bahawa ianya benar.

Ditandatangani dan diakui dengan
sesungguhnya oleh JUPIRIN BIN
RUHIMIN di Majlis Daerah Tambunan
pada 16 Mac 2020.

}

JUPIRIN BIN RUHIMIN

Di hadapan saya,

JUMAIN ABD GHANI,
Tambunan.

MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

PENYATA OLEH PENERUSI DAN PEGAWAI EKSEKUTIF

Kami, JUMAIN ABD GHANI dan JUPIRIN BIN RUHIMIN yang merupakan Pengerusi dan Pegawai Eksekutif Majlis, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Harta dan Tanggungan serta Penyata Penerimaan dan Pembayaran yang berikut ini berserta dengan nota-nota berkenaannya telah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang sebenar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Penyata Kewangan Majlis pada 31 Disember 2019.

Nama : JUMAIN ABD GHANI
Jawatan : Pengerusi
Tarikh : 16 Mac 2020.

Nama : JUPIRIN BIN RUHIMIN
Jawatan : Pegawai Eksekutif
Tarikh : 16 Mac 2020.

MAJLIS DAERAH TAMBUNAN
PENYATA HARTA DAN TANGGUNGAN PADA 31 DISEMBER 2019

<i>Harta</i>	<i>2019</i> RM	<i>2018</i> RM	<i>Tanggungan</i>	<i>Nota</i>	<i>2019</i> RM	<i>2018</i> RM
Wang Dalam Bank ABMB ...	1,339,176	743,804	Bantuan Kapital	1	-	59,049
Wang Dalam Bank CIMB ...	331,948	925,938	Bantuan-bantuan Khas daripada Kerajaan Persekutuan ...	2	130,000	680,335
Simpanan Tetap ABMB ...	1,227,203	1,188,656	Pungutan bagi Pihak Agensi Kerajaan	3	187	810
Simpanan Tetap BSN ...	524,752	507,853	Akaun Amanah	4	255,280	-
Pendahuluan Bendahari ...	-	-	Akaun Wang Pendahuluan ...	5	48,340	53,465
			Kumpulan Wang Terkumpul pada 1 Januari 2019		-	-
			<i>Tambah: Pembayaran Melebihi Penerimaan</i> RM416,679		2,989,271	2,572,591
	<u>3,423,078</u>	<u>3,366,251</u>			<u>3,423,078</u>	<u>3,366,251</u>

MAJLIS DAERAH TAMBUNAN

NOTA 1: BANTUAN KAPITAL DARIPADA KERAJAAN NEGERI

<i>Baki pada 1 Januari 2019</i>	<i>Jenis Bantuan</i>	<i>Baki pada 31 Disember 2019</i>
RM		RM
5,600	Menaik Taraf Tandas di Bangunan Kompleks Majlis Daerah Tambunan	-
16,650	Bantuan untuk Menaik Taraf Sistem Keselamatan Kebakaran Bangunan Kompleks Majlis Daerah Tambunan ...	-
18,606	Bantuan Projek Membina Jalan Konkrit di Belakang Kedai SEDCO Blok C Majlis Daerah Tambunan ...	-
5,693	Menaik Taraf Perparitan Bangunan Pasar Umum Majlis Daerah Tambunan	-
12,500	Menaik Taraf Titian Umum di Daerah Tambunan ...	-
-	Projek Menaik Taraf Titian Umum di Daerah Tambunan	-
-	Projek Menaik Taraf Perparitan Perumahan Galiung, Majlis Daerah Tambunan	-
-	Projek Pembelian Tong-tong Sampah Majlis Daerah Tambunan	-
<u>RM59,049</u>		<u>-</u>

NOTA 2: BANTUAN-BANTUAN KHAS DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

<i>Baki pada 1 Januari 2019</i>	<i>Jenis Bantuan</i>	<i>Baki pada 31 Disember 2019</i>
RM		RM
1,800	Bantuan untuk Projek-projek BP 1 Tahun 2015 Majlis Daerah Tambunan	-
11,811	Bantuan untuk Projek-projek BP 1 Tahun 2016 Majlis Daerah Tambunan	-
39,947	Bantuan untuk Projek-projek BP 1 Tahun 2017 Majlis Daerah Tambunan	-
626,777	Bantuan untuk Projek-projek BP 1 Tahun 2018 Majlis Daerah Tambunan	-
-	Bantuan untuk Projek-projek BP 1 Tahun 2019 Majlis Daerah Tambunan	130,000

NOTA 2: BANTUAN-BANTUAN KHAS DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN - (*samb.*)

<i>Baki pada</i> <i>1 Januari 2019</i>	<i>Jenis Bantuan</i>	<i>Baki pada</i> <i>31 Disember 2019</i>
RM		RM
	- Bantuan Menaik Taraf Landskap Taman Awam Jamboree (Menara Jam) di Majlis Daerah Tambunan	-
	- Bantuan Projek di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bagi Negeri Sabah	-
<u>RM680,335</u>		<u>RM130,000</u>

NOTA 3: PUNGUTAN BAGI PIHAK AGENSI KERAJAAN

<i>Baki pada</i> <i>1 Januari 2019</i>	<i>Jenis Bantuan</i>	<i>Baki pada</i> <i>31 Disember 2019</i>
RM		RM
	- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	-
	- Pertaruhan Insurans (ETIQA)	-
	- Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	-
	- Perbadanan Pinjaman Sabah	-
	- Public Islamic Bank	-
	- Lembaga Tabung Haji (LUTH)	-
	- Bank Rakyat	-
	- GELA	-
180	Syarikat Takaful	57
	- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	-
	- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	-
630	Sewa Rumah Ekonomi JKR	130
	- Yayasan Usaha Maju (YUM)	-
	- Biro Angkasa	-
<u>RM810</u>		<u>RM187</u>

NOTA 4: AKAUN AMANAH

*Pindah dari Kira-
kira Nota 1 & 2*

Jenis Bantuan

*Baki pada
31 Disember 2019*

RM		RM
9,973	Membina Jalan Konkrit di Belakang Kedai SEDCO Blok D, Tambunan (N/2017)...	9,973
4,393	Menaik Taraf Perparitan Bangunan Pasar Umum, Tambunan (N/2017)	4,393
12,500	Menaik Taraf Titian Umum di Daerah Tambunan (N/2017)...	12,500
4,518	Projek Menaik Taraf Perparitan Perumahan Galiung, MD Tambunan (N/2019)	4,518
11,220	Membina Ruangan Parkir dan Lorong Pejalan Kaki di Tepi Jalan Kawasan Pasar Umum dan Bahagian Hadapan Kawasan Tamu Tambunan (P/2017, Senarai 2)	11,220
16,461	Menaik Taraf Kawasan Tapak Tambahan Tamu Tambunan, MD Tambunan (P/2018, Senarai 7)	16,461
